

UTUSAN MALAYSIA

DATE: 26 / 09 / 2007

# Dr. Mahathir terus stabil

UM - 28/9/2007

KUALA LUMPUR 25 Sept. - Tun Dr. Mahathir Mohamad terus stabil pada hari ketiga selepas menjalani prosedur pembedahan membersihkan luka di Institut Jantung Negara (IJN) pada malam Sabtu lepas.

IJN dalam satu kenyataan di sini hari ini memberitahu, para doktor IJN berpuas hati bahawa semua petunjuk penting mengenai keadaan bekas Perdana Menteri terus stabil.

Kenyataan itu menambah, beliau sudah boleh menerima kunjungan pelawat di Unit Rawatan Rapi (ICU) IJN. Bagaimanapun, ia dihadkan kepada anggota keluarga terdekat.

Sehubungan itu, IJN memaklumkan, ia akan terus mengeluarkan kenyataan mengenai perubahan keadaan Dr. Mahathir dari masa ke masa.

Sementara itu, anak sulung bekas Perdana Menteri, Datin Paduka Marina dalam laman blognya, *rantingsbymm.blogspot.com*, memberitahu, bapanya memberikan reaksi positif ketika Tun Dr. Siti Hasmah Mohd. Ali menemaninya.

Marina menyifatkan Tuhan telah menunjukkan kebesaran-Nya apabila Dr. Mahathir menggenggam erat tangan Dr. Siti Hasmah dan kemudian melepaskannya selepas dipujuk berbuat demikian.

Katanya, walaupun tidak melepaskan genggamannya itu sepenuhnya, tindakan bapanya itu jelas menunjukkan Dr. Mahathir memberikan reaksi positif.